

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakan Kementerian bercadang untuk memperbanyakkan kedai PERNAMA agar dapat menjual barang dengan harga yang murah kepada anggota tentera dan bekas anggota tentera di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi kedai PERNAMA bermula sejak tahun 1983 dengan jumlah kedai sebanyak 35 buah sahaja. Kini PERNAMA mempunyai 97 kedai di seluruh Malaysia melalui beberapa format seperti Kompleks, lamaniaga dan kedai mudahan mengikut saiz pasaran di sesebuah kem tersebut. PERNAMA juga menguruskan lebih 500 lot-lot niaga di bangunan kepunyaan kerajaan dan di dalam premis PERNAMA.

Cadangan pembukaan kedai-kedai PERNAMA yang baharu adalah tertakluk kepada keperluan setempat dan kajian pasaran.

PERNAMA berhasrat untuk menambah bilangan kedai bukan sahaja di dalam kem-kem tentera malah merancang untuk membuka kedai-kedai PERNAMA di luar kem. Ini bertujuan memudahkan veteran ATM mendapat produk dan perkhidmatan PERNAMA tanpa perlu memasuki kawasan kem. Perancangan sedang dilakukan untuk membangunkan rangkaian kedai runcit dengan jenama PERNAMA *Exchange* (PNX) bagi kedai-kedai yang beroperasi di luar kem melalui rancangan lima tahun PERNAMA 2021 - 2025. Kedai-kedai ini bakal beroperasi dengan konsep "*Company Own Dealer Operate* (CODO)" yang akan memberi peluang kepada veteran untuk mengendalikan kedai-kedai tersebut di kawasan penempatan veteran ATM sendiri.

Terima kasih.